



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	12/3/2021	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JKPTG			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### *Pulihkan segera Bukit Malut*

ISU lebih 10,000 warganegara Myanmar mendiami Bukit Malut di Langkawi bukan isu baharu.

Isu ini sudah beberapa kali dilaporkan tetapi sehingga hari ini, mereka masih bebas tinggal di penempatan itu, malah beranak-pinak hingga beberapa generasi.

Walaupun ada laporan mendakwa kira-kira 70 peratus penduduk itu adalah warganegara yang sah tetapi itu bukan lesen untuk mereka meneroka tanah kerajaan secara sesuka hati sehingga ke atas laut.



**Pihak berkuasa perlu bertindak segera. Buat bancian penduduk bagi menentukan status mereka. Usah bertangguh lagi."**

Apa yang lebih dibimbangi ialah kawasan penempatan itu menjadi transit untuk menyeludup masuk pendatang asing terutama dari Myanmar.

Selain boleh diakses menggunakan jalan laut dengan mudah berikutan wujud beberapa jeti-jeti haram di situ, penduduk juga boleh bertindak pelindung terutama yang mahu mengaut keuntungan mudah.

Hasil tinjauan wartawan *Utusan Malaysia* ke kawasan itu semalam mendapati

kedudukan rumah yang terlalu rapat serta persekitaran yang tidak terurus memudahkan usaha membawa masuk pendatang asing.

Tinjauan juga mendapati, penduduk di situ curiga terhadap kehadiran orang luar, sekali gus menguatkan lagi kemungkinan ramai dalam kalangan mereka berada di situ secara tidak sah.

Ada juga laporan daripada penduduk Langkawi yang menyatakan bahawa kawasan itu turut menjadi lubuk penjenayah terutama berkaitan dadah. Apakah status zon merah dadah yang 'dikecapi' pulau peranginan itu sejak beberapa tahun lalu berpunca dari kawasan ini?

Justeru, pihak berkuasa perlu bertindak segera. Buat bancian penduduk bagi menentukan status mereka. Usah bertangguh lagi. Tetapkan satu jangka waktu untuk menyelesaikannya. Orang Langkawi menanti.

Kita mungkin sudah terlambat tetapi itu lebih baik sebelum keadaan menjadi lebih parah.

Kawasan itu yang dahulunya adalah kawasan paya bakau masih boleh diselamatkan dan dipulihara sehingga kembali sebagaimana asalnya.

Malah, Permodalan Kedah Berhad (PKB) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) selaku pemilik tanah dikatakan sudah mempunyai perancangan untuk memajukan kawasan itu antaranya ialah dalam sektor pelancongan, industri perkapalan dan akuakultur.

Bukit Malut perlu segera dibersihkan dari sebarang unsur tidak sihat. Pendatang tanpa izin perlu dihantar pulang ke negara asal sebelum mereka menguasai perniagaan dan peluang pekerjaan di Langkawi.

**Ismail Daud ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia*.**